

NO. SOALAN :76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH : 17 MEI 2016

RUJUKAN : 8971

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarikat manakah yang akan menguruskan “Bangladesh Workers Management System” serta bilakah proses ini akan dimulakan. Adakah perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan firma yang dipilih akan dimaklumkan kepada umum dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pelaksanaan Program Pengurusan Pekerja Bangladesh (*Bangladeshi Workers Management Programme - BWMP*), Kerajaan secara prinsip telah bersetuju untuk melantik Syarikat Synerflux Sdn. Bhd. sebagai penyedia sistem.

Pelaksanaan sistem *Bangladeshi Workers Management System (BWMS)* ini adalah secara atas talian untuk memberi khidmat secara *end to end* bagi semua aktiviti pengurusan pekerja yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) *G to G Plus* antara Malaysia dan Bangladesh.

Sehingga kini, pihak pengendali telah membangunkan sistem berkenaan tanpa mendatangkan apa-apa kos kepada Kerajaan Malaysia. Untuk makluman jua, sebarang pengambilan baharu pekerja asing ke Malaysia telah ditangguhkan pada masa ini.